

UUM/AA86/BH/8.4.2026/P:10(1-3)

Artikel tuduh 'IPT jadi lubuk rasuah' tidak patuhi etika kewartawanan

- Artikel berkenaan gagal mengemukakan sebarang data menyeluruh, sebaliknya penulis hanya mengumpulkan beberapa kes terpencil berlaku sepanjang beberapa tahun, kemudian menggunakannya untuk menghukum keseluruhan sistem pendidikan tinggi negara
- Jika benar mahu membincangkan soal integriti di IPT maka ia perlu dilakukan berdasarkan data menyeluruh, analisis adil dan pengiktirafan terhadap usaha-usaha besar yang dilakukan UA untuk memerangi rasuah



Naib Canselor Universiti Utara Malaysia (UUM)

Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Dakwaan 'IPT jadi lubuk rasuah' tersiar dalam sebuah akhbar tempatan, baru-baru ini amat mengejutkan dan menimbulkan persoalan besar dari sudut etika kewartawanan, keseimbangan laporan serta tanggungjawab media dalam membentasi pergeser masyarakat.

Frasa 'lubuk rasuah' membadi makud seolah-olah rasuah menjadi budaya dominan dan menyeluruh di semua institusi pendidikan tinggi (IPT), sama ada awam mahupun swasta (IPTS) di negara ini. Dakwaan sebegini sepatutnya disokong dengan statistik rasmi, kajian empirikal atau bukti bahawa gejala berkenaan benar-benar berkecambah dalam majoriti IPT. Namun, artikel berkenaan gagal mengemukakan sebarang data menyeluruh, sebaliknya penulis hanya mengumpulkan beberapa kes terpencil berlaku sepanjang beberapa tahun, kemudian menggunakannya untuk menghukum keseluruhan sistem pendidikan tinggi negara.

Antara contoh disebut dalam artikel itu ialah kes seorang pensyarah IPTS menerima kira-kira RM1,300 bagi memastikan lima pelajarinya lulus dalam satu subjek serta seorang lagi pensyarah meminta RM300 daripada setiap pelajar untuk mengubah keputusan peperiksaan mereka.

Kedua-dua kes ini sememangnya salah dan wajar dihukum, tetapi ia hanyalah membabitkan individu tertentu, bukannya membuktikan seluruh IPT di negara ini sudah menjadi lubuk rasuah. Jika logik sama digunakan, maka apabila seorang doktor ditahan kerana menerima rasuah, adakah wajar semua hospital tanah air dilabel sebagai lubuk rasuah?

Sudah tentu tidak. Dalam mana-mana sektor pasti ada segelintir individu melanggar undang-undang. Namun, tidak adil dan tidak bertanggungjawab untuk menggunakan tindakan beberapa orang bagi memburukkan keseluruhan institusi.

Lebih membimbangkan, sebahagian contoh dibawa dalam artikel itu sebenarnya membabitkan IPTS. Namun, penulis sengaja menggunakan istilah umum, IPT supaya pembaca merasakan semua universiti awam (UA) dan IPTS mempunyai masalah sama. Sedangkan terdapat perbezaan besar antara struktur, mekanisme pemantauan, tatakelola dan sistem audit di UA dengan sesetengah IPTS.

Artikel itu juga memetik pembiasaan dua kertas siasatan terhadap Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) berhubung isu tadbir urus dan ketidaktuturan pengurusan kewangan susulan Laporan Ketua Audit

Negara (LKAN). Namun, membuka siasatan bukan bererti sesebuah universiti sudah terbukti bersalah. Dalam undang-undang dan etika kewartawanan, sesuatu pihak tidak boleh dianggap bersalah selagi belum dibuktikan di mahkamah.

Tak semua kesilapan pengurusan ialah rasuah Isu dibangkitkan terhadap UKM juga lebih berkait dengan tatakelola dan prosedur pentadbiran, bukan semestinya rasuah. Tidak sebarang kesilapan pengurusan adalah rasuah. Ada perbezaan besar antara kegagalan mematuhi prosedur, salah urus pentadbiran dan perbuatan menerima rasuah.

Penulis juga hanya memetik pandangan seorang tokoh daripada Pemerhati Rasuah Malaysia (MCW) dan menjadikan kenyataan beliau sebagai asas kepada keseluruhan artikel. Tiada sebarang usaha mendapatkan penjelasan daripada universiti disebut, sama ada Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT), pihak Pentadbiran Universiti atau warga akademik sendiri sedangkan prinsip *fairness and balance* dalam kewartawanan menuntut supaya semua pihak diberikan ruang untuk menjawab.

Jika sesiapa mahu mendakwa bahawa IPT sudah menjadi lubuk rasuah, maka individu berkenaan sepatutnya turut mendapatkan data rasmi daripada SPRM

Jika sesiapa mahu mendakwa bahawa IPT sudah menjadi lubuk rasuah, maka individu berkenaan sepatutnya turut mendapatkan data rasmi daripada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) mengenai berapa banyak kes rasuah benar-benar berlaku di IPT berbanding sektor lain seperti kerajaan tempatan, sektor swasta, jabatan kerajaan atau badan berkanun.

Apa lebih mengecewakan ialah artikel berkenaan langsung tidak menyebut banyak contoh positif dan usaha integriti yang dilaksanakan oleh UA di negara ini. Hakikatnya, semua IPTA sudah lama melaksanakan pelbagai mekanisme bagi memastikan tadbir urus yang baik dan mencegah salah guna kuasa.

Semua UA mempunyai unit integriti diperkukuh

dan dimantapkan dari semasa ke semasa. Unit ini berfungsi memantau tadbir urus, menerima aduan, mengesan konflik kepentingan dan memastikan segala urusan universiti berjalan secara telus.

Di samping itu, semua UA turut mewajibkan kursus Kenegaraan Malaysia, Integriti dan Anti-Rasuah (KIAR) kepada pelajar supaya nilai integriti dipupuk sejak di bangku universiti lagi.

Di Universiti Utara Malaysia (UUM) misalnya, pelbagai usaha tambahan turut dilaksanakan bagi memperkukuh budaya integriti. UUM menjalin kerjasama dengan Institut Integriti Malaysia (IIM) dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam pengedaran program kesedaran, latihan serta pendidikan integriti kepada pelajar dan staf.

UUM juga menganjurkan *Leadership Talk* pada semester ini yang menampilkan Peguam Negara dan Ketua Hakim Negara bagi membincangkan soal kepimpinan, integriti dan tadbir urus.

Selain itu, terdapat juga badan beruniform seperti Kadet SPRM di universiti yang berperanan menam nilai integriti, disiplin dan antirasuah dalam kalangan kadet. Aktiviti seperti latihan, ceramah dan program bersama SPRM membuktikan universiti sentiasa berusaha membina generasi menolak rasuah dan salah guna kuasa.

Antara inisiatif lain selalu dibuat UA adalah mengadakan Minggu Integriti, melaksanakan Ikrar Bebas Rasuah dalam kalangan pentadbir dan staf, memperketatkan prosedur pemberian geran penyelidikan serta pelantikan panel penilai dan pelbagai mekanisme integriti lain seperti audit dalaman berkala, pemantauan penggunaan geran, deklarasi konflik kepentingan dan latihan etika kepada staf.

Malah, banyak UA bekerjasama dengan SPRM bagi menubuhkan Sekretariat Rakan Integriti dan memperkenalkan saluran *whistleblower* supaya pelajar dan staf boleh melaporkan salah laku tanpa rasa takut.

Universiti juga mewajibkan pensyarah menandatangani pengisytiharan konflik kepentingan sebelum terbit dalam pemeriksaan tesis, penilaian geran atau pemilihan kontraktor.

Ringkasnya, kewartawanan yang bertanggungjawab sepatutnya membantu masyarakat memahami isu dengan lebih tepat dan seimbang. Jika benar mahu membincangkan soal integriti di IPT maka ia perlu dilakukan berdasarkan data menyeluruh, analisis adil dan pengiktirafan terhadap usaha-usaha besar yang dilakukan UA untuk memerangi rasuah.

Tanpa semua ini, maka artikel itu lebih menyerupai satu laporan sensasi, bukannya laporan kewartawanan beretika.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH